



TEKS UCAPAN
YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

SEMPENA
PROGRAM PERWANI JOM SIHAT
NEGERI MELAKA

4 SEPTEMBER 2016

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA (KUIM)

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

وبركاته الله ورحمة علىكم السلام

SALAM MELAKA MAJU NEGERIKU SAYANG,
NEGERI BANDAR TEKNOLOGI HIJAU,
MELAKA 754 TAHUN,
MELAKA MAJU FASA KE 2,
BERKAT, TEPAT, CEPAT

TERIMA KASIH KEPADA SAUDARI/ SAUDARA PENGACARA MAJLIS,

YANG BERHORMAT, DATUK HJH MAS ERMIEYATI BINTI HJ
SAMSUDIN, TIMBALAN MENTERI PELANCONGAN DAN
KEBUDAYAAN MALAYSIA MERANGKAP AHLI PARLIMEN MASJID
TANAH;

YANG BERHORMAT DATUK LATIPAH BINTI OMAR, EXCO WANITA,
PEMBANGUNAN KELUARGA DAN HAL EHWAL KEBAJIKAN, NEGERI
MELAKA;

YANG BERHORMAT DATUK AR HJ ISMAIL BIN HJ OTHMAN, EXCO
PERUMAHAN, KERAJAAN TEMPATAN, KESEJAHTERAAN BANDAR
DAN ALAM SEKITAR NEGERI MELAKA, MERANGKAP ADUN
KAWASAN KUALA LINGGI;

YANG BERBAHAGIA PROFESOR DATUK DR. HAJI BAHARUDIN BIN
HAJI PUTEH, WAKIL NAIB CANSELOR KOLEJ UNIVERSITI ISLAM
MELAKA;

YANG BERBAHAGIA DATUK YATIMAH BINTI SARJIMAN, KETUA
PENGARAH JABATAN PEMBANGUNAN WANITA, KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN WANITA KELUARGA DAN MASYARAKAT,

YANG BERHORMAT DATUK ROSLAN BIN DATUK HAJI AHMAD,
TIMBALAN EXCO WANITA, PEMBANGUNAN KELUARGA DAN HAL
EHWAL KEBAJIKAN NEGERI MELAKA;

YANG BERUSAHA PUAN FAIZAH BINTI ABDUL RAHMAN @
SULAIMAN, PENGARAH PEJABAT PEMBANGUNAN WANITA
NEGERI MELAKA

KETUA-KETUA JABATAN NEGERI DAN PERSEKUTUAN;

WAKIL-WAKIL MEDIA;

PEMIMPIN-PEMIMPIN MASYARAKAT;

KOMUNITI PERWANI 1 MALAYSIA;

MAHASISWA DAN MAHASISWI

HADIRIN YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT.

1.0 PENDAHULUAN

Segala puji bagi Allah SWT, kerana dengan izin serta limpah rahmat dan kasih sayangNya, kita dapat bersama-sama pada hari ini, dalam satu program yang sangat bermakna, untuk kita semua.

Saya yakin dan percaya bahawa Allah swt telah memilih kita, untuk melaksanakan amanah ini, dengan tujuan yang sangat mulia iaitu untuk mendedahkan diri kita dengan gaya hidup sihat dan sejahtera sepanjang masa.

Hadirin yang dihormati,

Saya sangat berterima kasih kepada pihak penganjur iaitu Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dengan kerjasama Kolej Universiti Islam Melaka(KUIM) Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) serta rakan-rakan strategik lain yang terlibat dalam menjayakan program secara *national blue ocean strategy* (NBOS) pada hari ini. Saya amat berbesar hati dengan kesungguhan semua agensi yang terlibat dalam menyokong usaha-usaha dan program-program yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM).

Program perwani ini bukan sahaja menjadi *baby* kepada kementerian, tetapi ia juga lahir dari cetusan idea YAB Perdana Menteri Dato' Sri Najib Tun Razak di bawah strategi lautan biru kebangsaan (NBOS).

PERWANI JOM SIHAT

Bagi program Perwani Jom Sihat yang diadakan di kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) pada hari ini, ia dirancang dengan penuh teliti oleh pihak JPW dan KUIM dengan harapan agar semua yang hadir pada hari ini peka dengan kesihatan diri dan keluarga. Terkini negara juga dikejutkan dengan mangsa pertama virus Zika yang sebelum ini telah di kesan di Singapura. Saya berharap wanita-wanita dan ahli keluarga sentiasa bekerjasama dalam membersihkan kediaman masing-masing terutama di tempat-tempat pembiakan nyamuk.

Saya juga difahamkan para peserta yang terlibat pada hari ini telah berkayuh sejauh 8.5 Kilometer dan aktiviti merentas desa sejauh tiga(3) kilometer telah diadakan. Pameran-pameran kesihatan dan penyalahgunaan dadah yang juga ditunjukkan diharap mampu memberi pendedahan kepada semua terutama para mahasiswa dan mahasiswi yang suatu hari nanti akan menjadi pengemudi negara.

Datuk/ datuk/ datin/datin/ tuan/ puan,

PERWANI SISWI

Penglibatan Perwani bukan sahaja tertumpu kepada wanita, tetapi saya juga suka untuk memaklumkan bahawa komuniti **Perwani Siswi 1Malaysia** juga telah dilancarkan di Melaka pada tahun 2014 yang lalu.

Berikutan dari itu, saya berasa amat bertuah pada hari ini, kerana program Perwani Jom Sihat juga disertai oleh Komuniti Perwani Siswi dari Kolej Universiti Islam Melaka (Kuim). Saya dimaklumkan hari ini kita telah menerima (-----) kumpulan pendaftaran baru Perwani yang terdiri daripada kakitangan, para pensyarah dan mahasiswi KUIM. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada KUIM.

Hadirin sekalian

HARI WANITA KEBANGSAAN

Kementerian di bawah Jabatan Pembangunan Wanita baru sahaja menyambut Hari Wanita Kebangsaan pada 25 ogos 2016 yang lalu di Plenary Hall, PICC Putrajaya. Majlis sambutan telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri dengan tema **Sepadu Usaha: Tiada Wanita Ketinggalan**. Tema ini sangat bertepatan dengan komitmen negara untuk memperkasa wanita ke arah kesaksamaan gender. Tema ini juga mempunyai mesej yang sangat jelas iaitu untuk memacu wanita ke arah

pencapaian yang paling unggul dan kerjasama semua pihak adalah amat diharapkan untuk merealisasikan impian ini.

Dalam siri Roadshow Sambutan Hari Wanita Peringkat Kebangsaan saya telah selesai membuat jelajah mengikut zon sebelum sambutan hari wanita diadakan.

Siri jelajah saya bermula di Kuching Sarawak pada Julai yang lalu. Ia diikuti dengan jelajah ke Zon Pantai Timur yang diadakan di Terengganu, seterusnya ke Zon Selatan di Johor Bharu dan akhir sekali saya telah ke Pulau Pinang untuk siri roadshow di Zon Utara Semenanjung Malaysia.

HOME MANAGERS

Dalam siri roadshow tersebut, saya telah memberi penekanan yang khusus kepada program Home Managers yang baru dilancarkan oleh pihak kementerian. Kementerian tidak ketinggalan menyediakan program 'Home Manager' sebagai sebahagian inisiatif bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing sebagai pembantu rumah.

Saya berharap, dengan perlaksanaan program 'Home Manager' ini, dapat memberi peluang pekerjaan kepada masyarakat terutamanya kumpulan sasaran Kementerian, untuk turut serta dalam menjana

pendapatan sekaligus menjadikan perkhidmatan Home manager sebagai mata pencarian dan seterusnya memacu ekonomi ke tahap yang lebih tinggi.

PENUTUP

Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada JPW, KUIM, LPPKN, JKM, Kementerian Kesihatan dan semua rakan strategik Kementerian yang sentiasa menyokong dan membantu kami dalam usaha meningkatkan pencapaian wanita.

Saya juga ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada semua wanita yang turut sama menyokong usaha Kementerian dan sanggup meluang masa dan tenaga walaupun masing-masing mempunyai komitmen dan tanggungjawab kepada keluarga.

Dengan lafaz yang mulia "**bismillah hirrahman nirrahim**", saya dengan ini merasmikan program **Perwani Jom Sihat Negeri Melaka**.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah wassalamualaikum warahamatullahi wabarakatuh.